

Bab I

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Kajian ilmiah ini bertajuk pendekatan hermeneutik: Kajian terhadap pemikiran Muḥammad Syaḥrūr, dalam buku *al-Kitāb Wa al-Qur`ān Qirā'ah Mu`āṣirah*, adalah sebuah kajian yang cuba menjelaskan beberapa persoalan yang berkaitan dengan teori hermeneutik. Dalam bab pendahuluan ini, penulis akan memberi gambaran awal berkaitan latar belakang kajian, permasalahan kajian dan objektif kajian. Penulis turut menerangkan hipotesis dan kepentingan kajian, juga mengulas terhadap huraian istilah dan ulasan penulisan. Untuk melaksanakan kajian ini, penulis juga menjelaskan metode atau kaedah yang telah dipilih bagi melaksanakan kajian ini, di samping skop kajian dan susunan penulisan.

1.2. Latar belakang kajian

Pada penghujung abad ke-20 perkembangan ilmu pengetahuan dan kemajuan sains teknologi yang memberikan wacana baru untuk mengkaji pemahaman yang terkandung dalam al-Quran, sekalipun berbagai metode yang telah ditawarkan oleh para mufasirin hingga kini belum menemukan penyelesaian¹.

¹ Abd al-Qādir Muḥammad Ṣālih, (2003), *al-Tafsīr wa al-Mufasssirūn fī al-'Aṣr al-Ḥadīth*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 79. Lihat juga: Muḥammad Ḥuṣayn al-Dhahabī (2000), *al-Tafsīr wa al-Mufasssirūn*, J. 1. Beirut: Dār al-Yūsuf, h. 34. dan Abd al-'Azīm Aḥmad al-Ghabbāsy (1971), *Tarīkh al-Tafsīr wa al-Manāhij al-Mufasssirūn*, Kaherah: Dār al-Ṭibā'ah al-Muhammadi, h. 6.

Di antara metode tersebut adalah hermeneutik². Hermeneutik adalah suatu metode atau teori filsafat untuk mentafsirkan simbol yang berkaitan dengan teks supaya diketahui erti dan maknanya. Ianya mula digunakan terhadap kajian al-Quran pada abad 19 M oleh para sarjana Islam, akan tetapi banyak kalangan ulama mempersoalkannya. Ini kerana hal tersebut dapat meragukan keaslian dan kesucian al-Quran. Di samping itu juga, hermeneutik telah diguna pakai dalam mentafsirkan Bible bagi mencari nilai kebenarannya³.

Di antara para sarjana tersebut adalah Moḥammad ‘Ābid al-Jābirī, Moḥammad Arkoun, Fazlur Rahman (1919 –1988), Naṣr Ḥāmid Abū Zaīd dan Muḥammad Syaḥrūr. Mereka merancang projek besar terhadap telaah kitab suci al-Quran⁴. Fazlur Rahman membawa wacana hermeneutik melalui konsep *Double Movement of Interpretation* iaitu sebagai alternatif dari konsep lama tentang *Qaṭ’ī* dan *Zanni*⁵. Moḥammad Arkoun membangun kritik terhadap pemikiran Islam (*Critique de la raison Islamique*)⁶. Ḥassan Ḥanafī mencanangkan kebangkitan umat *Masyrū’ Nahḍawī*⁷ melalui projek besarnya, menerusi buku beliau yang bertajuk *al-Turāth wa al-Tajdīd*⁸. ‘Ābid al-Jābirī, pemikir asal Marocco⁹ mencetuskan kritik terhadap

² Sudarto (1996), *Metodologi Penelitian Filsafat*, Jakarta: P.T. Raja Grafindo Persada, h. 85.

³ Naṣr Ḥāmid Abū Zaīd (2003), *al-Quran Hermeneutika dan Kekuasaan*, Dede Iswadi, A. Rohman dan Ali Mursyid (terj.), Bandung: RQiS (Research for Quranic Studies), h. 34

⁴ A. Lutfi Assyaukanī (1998), Tipologi dan Wacana Pemikiran Arab Kontemporer, dalam *Jurnal Pemikiran Islam Paramadina*, Vol. I. No. 1, Juli - Disember, 1998, h.h. 58 - 95

⁵ Fazlur Rahman (1998), *Islam and Modernity: Transformation of an intellectual Tradition*, Chicago London: The University of Chicago Press, h. 6.

⁶ Moḥammad Arkoun (1987), *al-Fikr al-Islamī Qirā’ah ‘Ilmiyyah*, Beirut: Markaz al-Inmā’ al-Qawmī, h. 5

⁷ Projek ini dibagikan menjadi tiga agenda iaitu: Sikap kita terhadap tradisi lama, sikap kita terhadap Barat dan sikap kita terhadap Realiti, semua agenda tersebut di huraikan dalam karya-karyanya. Lihat: Ḥasan Ḥanafī (2000) *Oksidentaslisme, Sikap Kita Terhadap Barat*, M. Najib Buchori (terj.), Jakarta: Paramadina, h.h. 1 – 3.

⁸ Ḥasan Ḥanafī (1981), *al-Turāth wa al-Tajdīd*, Kaherah: Dār al-Tanwīr li al-Ṭibā’ah; Kazuo Shimogaki (1997), *Kiri Islam Antara Modernisme dan Postmodernisme: Tela’ah Kritis Pemikiran Ḥassan Ḥanafī*, cet. III. Yogyakarta: LKiS, h. 68 ; A.H. Ridwan (1998), *Reformasi Intelektual Islam*. Yogyakarta: Ittaqa Press, h. 26.

⁹ Marocco ialah nama kerajaan Marocco dengan ibu Negara Ribat, kawasan utara Afrika, jumlah penduduk: 31 juta, kemerdekaan pada 02 Mac 1956. (dari Perancis), Agama Islam 98.7 % Kristian

pemikiran Arab *Naqd al-Aql al-'Arabi*¹⁰. Naṣr Ḥāmid Abū Za'īd membangunkan kritikan terhadap wacana agama *Naqd al-Khiṭāb al-Dīnī*¹¹. Alī Ḥarb menggagas kritikan terhadap kebenaran *Naqd al-Ḥaqīqah*¹². Kemudian Muḥammad Syaḥrūr menawarkan telaah kontemporari terhadap pemahaman teks al-Quran *Qirā'ah Mu'āṣirah*¹³ yang penulis pilih sebagai kajian terhadap pemikiran beliau serta analisis terhadap pendekatan hermeneutik.

Muḥammad Syaḥrūr adalah seorang tokoh yang banyak menimbulkan polemik, beliau berasal dari Damsyik, Syria. Terdapat di kalangan ilmuwan yang menolak idea-idea yang beliau susun¹⁴, ada juga di kalangan mereka yang kagum dengan pendapat-pendapat beliau sebagai semangat untuk memberikan wacana baru dalam dunia pemikiran Islam¹⁵. Pro dan kontra mulai tersebar setelah buku pertamanya *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah* diedarkan dalam bentuk cetak oleh Al-'Ahālī Damsyik. Setelah beredarnya buku tersebut, banyak sekali tanggapan serta kritikan daripada kalangan ilmuwan, akan tetapi buku tersebut menjadi terlaris (*best seller*) di Timur Tengah. Ini terbukti apabila buku tersebut telah diulang cetak

1.1% Yahudi 0.2 %, Lihat: Dr. Syawqī Abū Khalīl (2005), *Atlas Duwal al-Alām al-Islāmī*, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 109.

¹⁰ Moḥammad Abid al-Jābirī (2003), *Kritik Kontemporer atas Filsafat Arab Islam*, M. Nur Ichwan (terj.), Yogyakarta: Islamika ; "Takwin al-Aqli al-'Arabi" (1989), cet. IV. Beirut: Markaz Dirāsāt al-Wiḥdah al-'Arabiyyah, h. 89.

¹¹ Naṣr Ḥāmid Abū Za'īd (1994), *Naqd al-Khiṭāb al-Dīnī*. Kairo: Sina li al-Nasyr, cet. II. h. 1 – 3, *Maḥmūd al-Naṣṣ Dirāsah fi 'Ulūm al-Qur'ān*, (1994) cet. II. Beirut: al-Markaz al-Thaqāfī al-'Arabi, h. 6.

¹² Alī Ḥarb (1995), *Naqd al-Naṣṣ*, cet. II Beirut: al-Markaz al-Thaqāfī al-'Arabi, h. 8

¹³ Muḥammad Syaḥrūr (1990), *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*, Damsyik: al-'Ahālī, h. 16

¹⁴ Ramai di kalangan sarjana Muslim yang mengkritik idea-idea Muḥammad Syaḥrūr di antaranya: Prof. Dr. Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī dalam majalah *Nahj Islām*, bertajuk *al-Khalḥiyāt al-Yahudiyyah li Syi'ār Qirā'ah Mu'āṣirah*, (Desember 1990) juga Dr. Syawqī Abū Khalīl dalam tulisannya bertajuk *Taqāṭu'āt Khaṭīrah fi Darb al-Qirā'at al-Mu'āṣirah*, dalam Majalah *Nahj Islam* (Maret 1991), dan Naṣr Ḥāmid Abū Zayd, dalam majalah *al-Hilāl* bertajuk *Limādha Ṭaghat al-Talḥiqiyyah alā Kathīr min Masyrū' Tajdīd al-Islāmī*, (Oktober 1991).

¹⁵ Seperti Sultan Qaboos kerajaan Oman, beliau memberikan tanggapan yang positif serta merekomendasikan kepada para menterinya untuk membaca karya Muḥammad Syaḥrūr. Begitu juga para sarjana non-Muslim seperti Wael B. Hallaq dan Dael F. Eickelman, mereka mengungkapkan kekaguman terhadap pemikiran Muḥammad Syaḥrūr. Lihat: Sahiran Syamsuddin (2002), *Studi al-Quran Kontemporer; Metode Intratekstualitas Muḥammad Syaḥrūr dalam pentafsiran al-Quran*, Yogyakarta: PT. Tiara Wacana, h. 132 – 133.

dan lebih dari 20,000 buah buku yang telah terjual ¹⁶.

Fenomena tersebut memberikan inspirasi kepada penulis untuk mengkaji pemikiran Muḥammad Syaḥrūr serta pendekatan hermeneutik yang terangkum dalam buku *Al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*.

1.3. Masalah kajian

Wacana yang menjadi pro dan kontra memerlukan kepada kajian akademik untuk memahami pemikiran Muḥammad Syaḥrūr khususnya dalam buku *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah* yang mengundang pelbagai polemik, dengan mengkaji pendekatan hermeneutik dari pemikiran beliau. Secara khusus permasalahan yang perlu dikaji menerusi kajian ini adalah:

1. Bagaimana kedudukan hermeneutik sebagai teori tafsir?
2. Siapakah Muḥammad Syaḥrūr? Bagaimana pemikiran beliau dalam kancah dunia intelektual Islam ?
3. Sejauh mana pemikiran beliau dalam buku (*al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*) berhubung kait dengan teori hermeneutik ?

¹⁶ Sebagaimana dicatat oleh Eickelman seorang Profesor *Antropologi* dan *Humanrelation* di Dartmaut College USA. Karya Muhammad Syaḥrūr *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah* pada tahun 1993 telah terjual sebanyak 13,000 buah di Syria, 3,000 di Mesir dan 10,000 di Saudi Arabia, Lihat: Dale. F. Eickelman (1993), *Islam Liberalism Strikes Back*, Middle East Studies Association (MESA) Buletin. 1 Disember 1993. h. 27.

1.4. Objektif kajian

Objektif kajian ini ialah:

1. Mengupas teori Hermeneutik dan menilai kesesuaiannya sebagai teori tafsir.
2. Melakukan bedah siasat terhadap buku *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*.
3. Meneliti pemikiran Muḥammad Syaḥrūr yang berkaitan dengan teori hermeneutik.

1.5. Hipotesis

Muḥammad Syaḥrūr adalah seorang tokoh yang pemikirannya begitu popular, sama ada dari sudut pro dan kontra. Bagi mereka yang pro beliau dipandang sebagai Immanuel Kant¹⁷ dunia Arab dan Martin Luther¹⁸ bagi umat Islam. Sedangkan yang kontra, buku-buku beliau khususnya *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah* dianggap lebih berbahaya dari *The Satanic Verses* oleh Salman Rushdi¹⁹.

¹⁷ Immanuel Kant: adalah seorang ahli falsafah Jerman berasal dari Konigsberg Prussia Timur. Beliau lahir pada 22 April 1724. meninggal pada 12 Februari 1804. Beliau dianggap sebagai salah satu daripada pemikir Eropah moden yang terpengaruh, serta ahli falsafah yang terkenal. Lihat: http://ms.wikipedia.org/wiki/Immanuel_Kant. 07 Mac 2007

¹⁸ Martin Luther: adalah Paderi dari Jerman dan ahli teologi Kristian. Beliau adalah salah seorang pengasas gereja Lutheran Protestan yang pertama, pecahan dari gereja Roman Katolik. Beliau di lahirkan pada 10 November 1483 M. di Eisleben, meninggal pada 18 Februari 1546 M. Di Eisleben. Dia merupakan tokoh terkemuka bagi Reformasi. Lihat: http://ms.wikipedia.org/wiki/Martin_Luther. 07 Mac 2007.

¹⁹ Salman Rushdie: adalah pengarang sejumlah buku. Beliau dilahirkan di India pada 1947 M. namun tinggal di Inggeris. pada 1988, Ia menulis buku berjudul *Satanic Verses*. Banyak negara melarang buku ini beredar. buku ini menyerang terhadap Islam dan penghinaan terhadap Nabi Muhammad dan Malaikat Jibrail, buku tersebut di terbitkan di London oleh: The Pinguin Group, Lihat: http://id.wikipedia.org/wiki/Salman_Rushdie. 07 Mac 2007.

Dalam buku tersebut, banyak ditemui pemikiran-pemikiran beliau yang bertentangan dengan pendapat para ulama. Penulis mendapati dari kajian dan pendekatan linguistik yang dilakukan oleh Muḥammad Syaḥrūr dengan jelas beliau menafikan sinonim²⁰ dalam bahasa al-Quran. Dari pandangan tersebut beliau memulakan pemikirannya dengan mengaplikasikan pemahaman kontemporari dan membawakan kesan terhadap hukum-hukum syariah yang sudah mapan.

Dalam penulisan buku tersebut beliau menggunakan istilah-istilah baru yang bertentangan dengan pemahaman konvensional ulama tafsir, di mana dengan penggunaan istilah tersebut menjadikan beliau menghasilkan pandangan-pandangan kontemporari yang menyeleweng dari pendapat majoriti ulama.

Dari pembacaan penulis terhadap pemikiran beliau, ada beberapa pemikiran yang selaras dengan teori hermeneutik, seperti mana dalam istilah-istilah kontemporari yang beliau kemukakan juga mengenai konsep takwil, kemukjizatan al-Quran, konsep *Inzāl*, *Tanzīl* dan teori dialektik.

1.6. Kepentingan kajian

Seperti mana penjelasan di atas, bahawa buku *al-Kitāb wa al-Qurʾān Qirāʾah Muʿāṣirah* karya Muḥammad Syaḥrūr adalah sebuah karangan yang sangat

²⁰ Sinonim adalah kata yang sama atau hampir sama maknanya. Dalam bahasa Arab *al-Tarādūf* bermakna: berturut-turut, mengikut, membonceng. Secara Istilah tidak ada kesepakatan antara ahli Bahasa, namun yang di maksud *al-Tarādūf* adalah: “Dua kata atau lebih yang memiliki satu erti ketika di lihat dari akar katanya”. Selain Muḥammad Syaḥrūr tokoh-tokoh yang dikatakan menolak sinonim antara lain: Muḥammad bin Ziyād al-ʿArabī (w. 231 H.), Abū al-Abbās al-Thaʿlab (w.291 H.), Abū Bakr Muḥammad bin Qāsim al-Anbārī (w. 328 H.), Ibn Fārsī (w. 395), Abū Ḥilāl al-ʿAskari (w.395 H.), Abū ʿAlī al-Fārisī (w. 377 H.), Ibn Jinnī (w. 392 H.) Lihat: e-Kamus Versi 5.01, lihat juga: Yusuf al-Ṣaydawī (t.t.) *Bayḍah al-Dīk: Naqd lughawī li kitāb al-Kitāb wa al-Qurʾān*, Damsyik: Dār al-Taʿāwuniyyah, h. 15 – 16 dan Muḥammad Nūr al-Dīn al-Munjjid (1997), *al-Tarādūf fi Qurʾān al-Karīm Bayna al-Nazariyyah wa al-Taṭbīq*, Damsyik: Dār al-Fikr al-Muʿāṣir, h.h. 29 – 33 dan 252.

kontroversi. Hasil tinjauan dan pengamatan penulis, buku ini menjadi *The Best Seller* di negara Timur Tengah dan beredar di beberapa negara. Meskipun begitu, terdapat sebahagian negara yang melarang dan mengharamkan beredarnya buku ini, seperti kerajaan Saudi Arabia, Mesir, Qatar dan Emiriah Arab Bersatu, tetapi dengan pengharaman buku tersebut malah menjadikannya lebih popular dan makin banyak diminati oleh pembaca di negara-negara tersebut.

Oleh yang demikian, kajian ini sangat penting kerana dapat memberikan penjelasan mengenai pemikiran Muḥammad Syaḥrūr dan posisinya dalam peta pemikiran Islam. Begitu juga ia akan memberikan penilaian terhadap teori hermeneutik dan kesesuaiannya sebagai teori tafsir al-Quran.

Dengan demikian, penulis dapat membantu masyarakat untuk lebih waspada terhadap teori-teori baru dalam mentafsirkan al-Quran, begitu juga pemikiran-pemikiran yang menyeleweng.

1.7. Skop kajian

Fokus utama kajian ini adalah tertumpu pada buku *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah* karya Muḥammad Syaḥrūr di mana skop perbahasannya adalah tertumpu kepada teori hermeneutik dan pemikiran Muḥammad Syaḥrūr dalam buku tersebut.

Kemudian, kajian ini juga memberi tumpuan dalam mengenal pasti definisi, sejarah dan ruang lingkup teori hermeneutik untuk membedah siasat terhadap pemikiran Muḥammad Syaḥrūr dalam buku tersebut. Di samping itu penulis juga

mengambil kira dalam menjalankan kajian ini terhadap pandangan ulama dan sarjana Islam yang berkaitan dengan pemikiran Muḥammad Syaḥrūr.

1.8. Huraian istilah

Dalam kajian ini ada beberapa istilah khas yang perlu di huraikan supaya tidak ada salah faham, istilah-istilah tersebut adalah:

Hermeneutik: adalah istilah yang berasal dari bahasa Yunani klasik *Hermeneuein*, yang bermakna mengertikan, mentafsirkan, menterjemahkan, atau interpretasi²¹. Dalam *Webster's Third New International Dictionary* dijelaskan bahawa hermeneutik adalah kajian tentang prinsip-prinsip metodologi interpretasi²².

Kajian: Maksud kajian adalah suatu usaha atau proses pembelajaran untuk menyelidik dan meneliti secara mendalam dan terperinci terhadap sesuatu disiplin ilmu²³.

Pemikiran: Dalam Kamus Dewan menjelaskan bahawa pemikiran adalah suatu cara untuk menyelesaikan masalah dengan menggunakan daya logik dan imaginasi, sehingga dapat menghasilkan pelbagai pendekatan²⁴.

²¹ E.Sumaryono. (1999) *Hermeneutika Sebuah Metode Filsafat*. Yogyakarta: Kanisius. h. 23

²² Richard E. Palmer (2005), *Hermeneutics Interpretation Theory in Schleirmacher, Dilthey, Heidegger, and Gadamer*. Musnur Hery dan Damanhuri Muhammed (terj.) *Hermeneutika Teori baru mengenai Interpretasi*, cet II, Yogyakarta: Pustaka Pelajar Offset. h. 4.

²³ Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), *op.cit.*, h. 560.

²⁴ *Ibid.*, h. 356

Muḥammad Syaḥrūr Beliau adalah seorang warganegara Syria, dilahirkan di Damsyik: pada 11 Mac 1938 M. Beliau masih hidup dan memperoleh MA pada tahun 1968 dan Ph.D dalam bidang Teknik pada tahun 1972. Beliau diangkat menjadi Profesor di Universiti Damsyik pada tahun 1999 ²⁵.

al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah: Buku tersebut disusun oleh Muḥammad Syaḥrūr selama kurang lebih dua puluh tahun, dimulainya pada tahun 1970 sampai 1990²⁶.

1.9. Ulasan penulisan

Penulis telah membuat tinjauan awal mengenai kajian lepas yang berhubungan dengan teori hermeneutik dan pemikiran Muḥammad Syaḥrūr dalam *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*. Kajian tersebut masih lagi belum banyak dikaji, namun terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan hermeneutik dan Muḥammad Syaḥrūr seperti:

- a. *Muhammad Sahrurs Koran Hermeneutik und die Debatte um sie bei Muslimischen Autoren.* Tesis Ph.D yang ditulis oleh Sahiron Syamsuddin di bawah bimbingan Prof. Dr. Rotraud Wielandt di Universiti Bamberg, Jerman. Tesis tersebut memuatkan pendapat Muḥammad Syaḥrūr dan perdebatannya di kalangan penulis-penulis Muslim. Ianya memuat lebih dari lima belas pendebat. Dalam tesis tersebut juga menyentuh mengenai teori Hermeneutik

²⁵ <http://www.shahrour.org/background.php>. 09 Mac 2007.

²⁶ Muḥammad Syaḥrūr (1990), *Op.cit.*, h .46 – 47.

al-Quran secara am, namun tidak difokuskan terhadap pemikiran Muḥammad Syaḥrūr dalam bukunya *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*²⁷.

- b. **Hermeneutika al-Quran alā Pesantren Analisis Terhadap Tafsir *Marāḥ Labīd* Karya Nawawi Bantani.** Karya Dr. Mamat S. Burhanuddin. Buku ini diterbitkan oleh Universitas Islam Indonesia UII Press 2006 Yogyakarta. Buku tersebut mengandungi lima bab. Bab ketiga menerangkan mengenai perkembangan hermeneutik serta hubungannya dengan kajian al-Quran. Pada bab keempat menerangkan konsep hermeneutik Tafsir *Marāḥ Labīd* terhadap takwil dan *asbāb al-Nuzūl* dalam tradisi hermeneutik al-Quran.
- c. **Hermeneutika Qurani Antara Teks, Konteks dan Kontekstualisasi (Melacak Hermeneutika Tafsir al-Manār dan Tafsir al-Azhar).** Ditulis oleh Fakhruddin Faiz diterbitkan oleh: Qalam Yogyakarta 2003. Secara kasar pembahasan dalam buku ini adalah review terhadap metodologi pentafsiran al-Quran dari dua buah kitab tafsir iaitu tafsir al-Manār karya Syeikh Muḥamad 'Abduh dengan Sayid Rasyid Riḍa dan tafsir al-Azhar karya HAMKA (Haji Abdul Malik Karim Amrullah) serta mengaitkan aplikasi teori Hermeneutik dari metodologi kedua tafsir tersebut.
- d. **Hermeneutika al-Quran Mazhab Yogya,** ditulis oleh Sahiron Syamsuddin dan rakan-rakannya, diterbitkan oleh Islamika 2003 Yogyakarta. Secara am buku ini adalah kumpulan dari beberapa makalah yang membahaskan mengenai teori Hermeneutik yang mengandungi empat bab. Dalam Bab

²⁷ Penulis mendapatkan maklumat mengenai kajian ini dari sinopsis dan biografi Sahiron Syamsuddin dalam buku terjemahan beliau yang bertajuk: *Metodologi Fiqh Islam Kontemporer* (2004), Yogyakarta: eLSAQ Press, h. kulit sampul.

kedua terdapat tajuk: **Hermeneutika Dalam Pemikiran Islam** yang ditulis oleh Muzani. Secara kasar tulisan ini mengulas mengenai perkembangan Hermeneutik dalam sejarah dan pemikiran Islam. Kemudian dalam bab ketiga terdapat tajuk: **Mempertimbangkan Metodologi Tafsir Muhammad Syaḥrūr**. Ditulis oleh: Abdul Mustaqim. Secara am tulisan ini menerangkan mengenai metodologi Muḥammad Syaḥrūr akan tetapi beliau tidak menjelaskan mengenai teori Hermeneutik dan pemikiran Muḥammad Syaḥrūr.

- e. *al-Isykāliyyah al-Manhājiyyah fi al-Kitāb wa al-Qur’ān* Dr. Muḥammad Syaḥrūr. Ditulis oleh Māhir al-Munjid diterbitkan oleh Dār al-Fikr Damsyik Syria 1999 setebal 194 halaman. Secara am buku ini menjelaskan mengenai metodologi Muḥammad Syaḥrūr dalam penulisan *al-Kitāb wa al-Qur’ān Qirā’ah Mu’āṣirah* dan kejanggalannya serta kritikan terhadap metodologi penulisan buku tersebut dan tidak membahaskan mengenai teori hermeneutik.

- f. *al-Marxslāmiyyah wa al-Qur’ān aū al-Bāḥithūna ‘an ‘Amāmah lī Darwin wa Marx wa Zaujah al-Nu’mān (Qirā’ah fi Da’wā al- Mu’āṣirah)*. Buku ini ditulis oleh Muḥammad Ṣayyāḥ al-Ma’rawī dan diterbitkan oleh Maktabah al-Islāmiyyah Damsyik, cetakan pertama pada tahun 2000. Secara kasar isi kandungan buku ini adalah respons terhadap karya Muḥammad Syaḥrūr *al-Kitāb wa al-Qur’ān Qirā’ah Mu’āṣirah* dan penulis membahagikan dalam tiga bab besar. Bab pertama menerangkan tentang peranan musuh-musuh Islam untuk menghancurkan Islam dan siapa yang bertanggung jawab atas hal tersebut. Kemudian pengarang membahaskan terhadap *al-Kitāb wa al-Qur’ān*

Qirā'ah Mu'āṣirah, serta pengaruh dalam penulisannya dengan falsafah Marxisme. Beliau turut menjelaskan mengenai metodologi Muḥammad Syaḥrūr terhadap penamaan *al-Mu'āṣirah* (Kontemporari), dengan pemikiran yang sedang berkembang di dunia Islam, khususnya Arab. Dalam bab ke dua pengarang membincangkan kritik terhadap Muḥammad Syaḥrūr tentang pemahaman beliau mengenai *al-Sunnah* dan metode pengambilan hukum. Dalam bab ke tiga pengarang menerangkan hukum-hukum yang diselewengkan dalam buku *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*. Kesimpulannya, bahawa buku ini tidak mengkaji secara mendalam terhadap pemikiran Muḥammad Syaḥrūr, begitu juga terhadap teori hermeneutik sebagaimana yang dilakukan oleh penulis.

- g. *al-Qur'ān wa Auhām al-Qirā'ah al-Mu'āṣirah*. Buku ini ditulis oleh al-Muhandis Jawād 'Afānah. Diterbitkan oleh Dār al-Basyīr Amman Jordan 1994. Secara kasar buku ini merupakan komen terhadap kitab *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah* karya Muḥammad Syaḥrūr. Isi kandungan buku ini adalah memberi komen terhadap tema-tema permasalahan yang terkandung dalam karya Muḥammad Syaḥrūr sama sahaja dari sisi susunan bahasa mahupun hukum-hukum fikah yang diselewengkan. Buku ini membatasi perbincangan terhadap pemikiran Muḥammad Syaḥrūr dalam kitab beliau.

Dari pembacaan terhadap beberapa buku-buku yang diketahui, penulis belum menemukan kajian khusus terhadap teori Hermeneutik dan pemikiran Muḥammad Syaḥrūr dalam buku *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*. Kajian-kajian yang

ada hanya berbentuk kritikan atau ulasan sahaja, manakala kajian terhadap teori Hermeneutik dan pemikiran Muḥammad Syaḥrūr, secara jelas belum ditemui oleh penulis. Oleh itu penyelidikan ini akan memberikan fokus kepada perkara-perkara tersebut.

1.10. Metodologi kajian

Untuk melaksanakan sebuah kajian supaya permasalahan yang akan dikaji terarah dengan hasil yang memuaskan, maka perlu dirumuskan metode yang akan digunakan dalam melaksanakan kajian. Oleh itu, dalam kajian ini penulis menggunakan tiga metode iaitu: penentuan subjek, pengumpulan data dan analisis.

1.10.1. Metode penentuan subjek

Dalam kajian ini, penulis menggunakan kaedah penentuan subjek dengan mengambil tajuk kajian pendekatan hermeneutik dan pemikiran Muḥammad Syaḥrūr dalam buku *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*. Kaedah ini dapat memudahkan penulis untuk menganalisis serta mendedahkan buku yang akan penulis kaji.

1.10.2. Metode pengumpulan data

Kajian yang dijalankan oleh penulis merupakan kajian perpustakaan (*library research*). Dalam pengumpulan data, penulis merujuk kepada data primer dan data sekunder. Maka dari data-data tersebut ada yang berbentuk tulisan, sama ada penerbitan rasmi atau tidak rasmi seperti buku, artikel-artikel, kertas kerja, makalah,

jurnal dan kajian-kajian ilmiah. Di samping itu, pengkaji juga akan menggunakan kemudahan Internet untuk mendapatkan isu-isu dan data yang berkaitan dengan tajuk. Dalam pengumpulan data perkhidmatan perpustakaan yang akan digunakan untuk mendapatkan data ialah sebagaimana berikut:

1. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.
2. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
3. Perpustakaan al-Mālik Faisal, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri.
4. Perpustakaan Awam, Pusat Islam Malaysia.
5. Maktabah Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
6. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Gombak.
7. Perpustakaan Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta
8. Perpustakaan Universiti Sunan Ampel Surabaya Indonesia.
9. Perpustakaan *al-Asad* Damsyik Syria.
10. Perpustakaan *Muja'ma' Aḥmad Kaftāro* Damsyik Syria.
11. Perpustakaan *Jāmi'ah* Damsyik Syria.

1.10.3. Metode Analisis Data

Setelah data-data dikumpulkan, maka data tersebut perlu diolah, dianalisis dan disimpulkan, agar tidak terjadi kesalahan-kesalahan teknikal dalam melakukan analisis dan penyimpulan data. Maka penulis menggunakan tiga kaedah dalam menganalisis data dan penyimpulannya iaitu:

1.10.3.1. **Deduktif**

Metode deduktif adalah suatu metode analisis data yang berpijak pada dalil umum terhadap dalil khas.²⁸ Berasaskan metode ini, penulis menggunakannya untuk menganalisis data atau maklumat-maklumat yang berhubungan dengan tajuk dan kitab yang penulis kaji, lalu penulis menghuraikan maklumat-maklumat itu sehingga mendapatkan suatu kesimpulan yang maksudnya untuk menggambarkan suatu maklumat yang bersifat khusus seperti mana dalam kajian bab kedua, ketiga dan keempat dalam disertasi ini.

1.10.3.2. **Induktif**

Metode induktif adalah cara menganalisis data melalui pola berfikir dengan mencari pembuktiannya dari perkara-perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada kesimpulan umum.²⁹ Berdasarkan metode ini, setelah maklumat dikumpulkan dan disusun dengan baik, penulis akan menjelaskan dan menghuraikan data-data yang bersifat khusus, untuk menggambarkan sesuatu konsep yang bersifat umum, seperti mana dalam bab ketiga, ketika menjelaskan mengenai istilah-istilah yang digunakan oleh Muḥammad Syaḥrūr dalam buku beliau.

1.10.3.3. **Komparatif**

Metode ini adalah cara untuk membandingkan antara teori hermeneutik dan pemikiran Muḥammad Syaḥrūr dengan kajian-kajian yang berkaitan. Dengan metode

²⁸ Peter A. Angeles (1981), *A Dictionary of Philosophy*. London: Harepr and Row Publisher, h. 132.

²⁹ *Ibid.*, h. 55

ini penulis dapat membuat suatu kesimpulan, di mana penulis akan mengumpulkan data-data yang bersesuaian tetapi dari sumber-sumber data yang berlainan kemudian penulis menganalisis dan membandingkan antara data-data itu, dan akhirnya penulis akan mengambil suatu kesimpulan data yang bersesuaian untuk kajian yang berkenaan dengan tajuk di atas.

1.11. Sistematika penulisan

Sistematika penulisan dalam penyelidikan ini dibahagikan kepada lima bab. Setiap bab mempunyai pembahagian dan pecahan-pecahan tertentu mengikut penjelasan tersendiri:

Bab I : Dalam bab pertama, penulis akan memulainya dengan pengantar dan landasan teori penulisan disertasi.

Bab II : Dalam bab kedua, penulis akan menerangkan berkaitan teori hermeneutik, bermula dari makna, sejarah dan kedudukannya sebagai satu teori tafsir al-Quran.

Bab III : Dalam bab ketiga, penulis akan memperkenalkan riwayat hidup Muḥammad Syaḥrūr dan juga pengenalan terhadap *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah*

Bab IV: Dalam bab keempat, penulis akan menganalisis pemikiran Muḥammad Syaḥrūr dalam buku *al-Kitāb wa al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah* yang berkaitan dengan teori hermeneutik. Penulis juga akan mendedahkan pemikiran tersebut, kemudian menganalisisnya serta memberi komen.

Bab V : Dalam bab ini penulis akan membuat kesimpulan kepada kajian yang dilakukan serta rumusan dan cadangan yang difahami oleh penulis dari hasil kajian.